

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: COLGIS - Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni
Sent: Monday, October 15, 2018 8:50 AM
To: UUM - All Staff; UUMstudentgroup; UUM - All Students
Cc: Prof. Madya Dr. Rusdi bin Omar; Dr. Mohd Na'eim Bin Ajis; Roshadah Bt Yaacob
Subject: UUM COLGIS ONLINE : CERAMAH KERJAYA "UBAH MINDSET MAKAN GAJI KEPADA KERJA SENDIRI"



Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni
STUDENT DEVELOPMENT AND ALUMNI OFFICE
College of Law, Government and International Studies
Universiti Utara Malaysia

15 OKTOBER 2018 / 06 SAFAR 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum & Salam Sejahtera

CERAMAH KERJAYA "UBAH MINDSET MAKAN GAJI KEPADA KERJA SENDIRI"



PPA COLGIS ONLINE : 2 Oktober 2018. Satu ceramah kerjaya bertajuk "Ubah Mindset Makan Gaji Kepada Kerja Sendiri" telah berlangsung di Dewan Seminar B, Pusat Konvensyen, Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, Kedah. Ceramah anjuran Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni, Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa (PPA COLGIS) ini telah disertai oleh pelajar dan staf UUM yang masing-masing mempunyai semangat berkobar-kobar untuk menghayati ceramah keusahawanan ini.

Antara objektif ceramah kerjaya ini ialah bagi membuka ruang dan peluang kepada para pelajar bersama usahawan untuk bertukar-tukar

fikiran dan berkongsi idea serta pengalaman tentang persediaan menceburi alam keusahawanan yang akan ditempuhi mereka kelak.

Dua orang penceramah iaitu pasangan suami isteri yang menjadi pengasas dan pemilik kepada syarikat aiskrim berjenama "Little Boss" telah berkongsi tip-tip dan strategi untuk mengubah pemikiran mengharapkan pekerjaan kepada mencipta peluang kerjaya sendiri. Menurut salah seorang penceramah, Puan Wan Nor Hasnita Wan Daud yang mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-undang dan Ijazah Sarjana Undang-undang Perbandingan daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), pula menekankan bahawa keputusan berhenti kerja makan gaji dan berpindah kepada kerja sendiri sepenuh masa telah dibuat demi mencapai kepuasan diri dan kesejahteraan keluarga. Di samping itu, beliau juga banyak berkongsi pengalaman sendiri yang bermula dengan perniagaan aiskrim tanpa sebarang pinjaman modal perniagaan.

Manakala penceramah kedua, Dr. Nazil Nuhairi Ismail yang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Pembedahan juga daripada UIAM berkata "Kriteria pemula untuk membangunkan mindset usahawan ialah keinginan yang tinggi untuk menjadi kaya dan berjaya dalam hidup". Beliau turut mengajak peserta ceramah untuk berfikir bagaimana untuk menukar sebarang masalah yang dihadapi dalam komuniti sebagai idea dan peluang untuk menjalankan perniagaan.

Pada hari ini, aiskrim jenama "Little Boss" telah terjual secara meluas di utara tanahair iaitu di negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak.

Turut hadir dalam sesi ceramah kerjaya ini ialah Encik Asrar Omar dan Dr. Ani Munirah Mohamad, Penyelaras Praktikum di PPA COLGIS dan wakil-wakil Pusat Pengajian COLGIS.

Sekian, terima kasih.

"UUM COLGIS : WHERE INNOVATION IN GOVERNANCE BEGINS"

=====

Daripada:

Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni
College of Law, Government and International Studies (COLGIS)
Universiti Utara Malaysia | 06010 UUM Sintok, Kedah | Malaysia
Tel : +6049287805/7806/7807/7808 | Fax : +6049287849 | Email :
colgis_pppa@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.